

Sasar 200,000 pengunjung

Penganjuran pesta ini turut memaju serta menggalakkan penerbitan dan perusahaan buku di negeri Selangor.

Kosmo 1/8/08 M/s 20

Oleh JENNY LANONG

SEMPENA Pesta Buku Selangor 2008 yang dibuka dengan rasminya baru-baru ini, kerajaan negeri mengambil inisiatif menjadikannya sebagai wadah berguna untuk menanam budaya cintakan ilmu dalam kalangan masyarakat setempat.

Pesta ini adalah usaha proaktif kerajaan negeri dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan beberapa agensi kerajaan, antaranya Jabatan Pelajaran Negeri, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Jabatan Penerangan, Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia dan pelbagai agensi lain.

Ketua Bahagian Maklumat dan Penyelidikan PPAS Sarwani Abdul Jalal berkata, pesta buku seumpama ini merupakan medium terbaik dalam usaha membudayakan masyarakat berilmu di Selangor khususnya.

Pesta buku yang sedang berlangsung di Kompleks PKNS Shah Alam ini dibuka dari pukul 10 pagi hingga 9 malam dan akan berakhir pada 4 Ogos ini.

"Penganjuran pesta buku seumpama ini berupaya memberi peluang kepada komuniti untuk

↳ Pelaksanaan dan penganjuran aktiviti ilmu seperti ini diharapkan mampu meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat kita ↳



upaya memberi pesang kepada komuniti untuk memilih dan memperoleh bahan bacaan berkualiti tinggi dan terkini," katanya.

Selain meneruskan usaha-usaha merangsang dan mempromosi budaya membaca, penganjuran pesta ini turut memaju serta menggalakkan penerbitan dan perusahaannya buku di negeri Selangor.

Menyedari tanggungjawab untuk menyemai budaya cintakan buku bukan satu tugas yang mudah, justeru penyertaan pelbagai golongan masyarakat dalam aktiviti seperti ini dikenal pasti berupaya membantu hasrat kerajaan negeri meningkatkan kecintaan masyarakat terhadap buku.

Menurut Sarwani, pesta ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pelbagai inisiatif baru media pembelajaran dan bacaan yang sesuai untuk semua golongan masyarakat dan institusi.

Penganjuran pesta buku kali ini menjurus kepada penerbitan buku-buku yang mengandungi sistem peradaban, nilai dan budaya masyarakat Malaysia selaras dengan hasrat menitikberatkan bahan-bahan bacaan bermutu agar dapat membentuk pemikiran dan budi pekerti yang baik.

Sarwani berkata, dianggarkan terdapat 106 gerai pada pameran kali ini dengan penyertaan 58 syarikat pempamer tempatan.

Antara pempamer yang menyertai pes-



DIANGGARKAN terdapat 106 gerai pada pameran kali ini dengan penyertaan 58 syarikat pempamer tempatan.

ta buku ini ialah Blue T Publication yang terkenal dengan Majalah Ana Muslim, Moy Publication, Kualiti Books, Pekan Ilmu Sdn Bhd, PTS Publications, E-Media dan Rhythm Publishing.

Buku-buku yang dipamerkan termasuklah bahan bacaan umum, buku rujukan pelajaran sekolah dan universiti, buku cerita kanak-kanak dan dewasa, buku kreatif, ensiklopedia, novel dan majalah.

"Pesta buku kali ini lebih menarik dengan pengisian pelbagai program antaranya persembahan animasi, kraftangan kolaj, persembahan boneka, bacaan Puisi Rindu Ibu Datuk A. Samad Said, Bingkas Kebayan dan pelbagai program yang lain," kata Sarwani.

Pada 25 Julai lalu, para pengunjung berpeluang berjumpa dengan Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said untuk prog-

ram Apresiasi Cerpen.

Selain berpeluang mendapatkan pelbagai jenis buku terkini, para pengunjung juga boleh membeli buku dengan kadar diskaun istimewa yang ditawarkan oleh pempamer.

Berdasarkan sambutan yang menggalakkan pada tahun lalu, pesta buku kali ini dianggarkan mampu menarik lebih ramai pengunjung.

"Dengan penyertaan lebih ramai pempamer dan penyusunan pelbagai program menarik, Pesta Buku Selangor 2008 disasar mampu menarik 150,000 ke 200,000 pengunjung," kata Sarwani.

"Pesta Buku Selangor 2008 merupakan kesempatan terbaik kepada penduduk Selangor dan negeri-negeri berhampiran untuk membawa keluarga dan anak-anak bagi mendapatkan bahan bacaan untuk

seisi keluarga," katanya.

Usaha dan pendekatan untuk menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat akan diteruskan sejajar dengan hasrat mewujudkan masyarakat berilmu.

"Pelaksanaan dan penganjuran aktiviti ilmu seperti ini diharapkan mampu meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat kita," katanya lagi.

Melihat jumlah buku yang dibaca berbanding negara lain dalam tempoh setahun, masyarakat negara ini jauh ketinggalan, namun usaha dan penekanan ke arah hasrat itu sedang giat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pesta buku seumpama ini merupakan langkah dan usaha yang mapan untuk merealisasikan gagasan tersebut. - BERNAMA